

## Penilaian kursus

	Evaluation method
(1) Individual case study - 20%	Pelajar dikehendaki membuat satu artikel berkenaan dengan mana-mana tajuk daripada “Seven UTM graduate attribute”. Artikel tidak semestinya terlalu akademik, ia boleh juga ditulis dari sudut pandang yang “di luar kotak”. Artikel (tulisan) mestilah dituliskan sekurang-kurangnya 3 muka surat A4, tidak termasuk rujukan (references). Rujukan perlu ditulis dengan gaya “APA reference style”. Sebarang rajah (figure) dan jadual perlu diletakkan selepas artikel (tulisan). Setiap rujukan perlulah dikepilkan bersama sebagai bukti. Sekurang-kurangnya 10 rujukan diperlukan. Pastikan tiada persamaan tajuk dan isi kandungan antara pelajar lain.
(2) Individual leader quality - 20%	Setiap pelajar perlu ke hadapan kelas, dan memberi idea, komen, cadangan, bantahan dan sebagainya. Markah penuh hanya diberikan kepada pelajar yang berjaya terlibat dalam aktiviti ini, sekurang-kurangnya 5 kali dalam 5 masa kuliah yang berbeza.
(3) Group minute meeting - 10%	Pelajar dikehendaki membuat satu kumpulan yang terdiri daripada 2-3 orang pelajar. Kumpulan ini perlu membincangkan tentang perancangan untuk melibatkan diri dalam perniagaan, secara langsung mahupun tidak langsung. Sekurang-kurangnya 2 minit mesyuarat perlu disiapkan.
(4) Group presentation - 20%	Hasil dari mesyuarat tersebut, sediakan 1 helai brosur (brochure, pamphlet, flyer, etc), bersaiz A4 sebagai bahan edaran pelan perniagaan anda.
(5) Group report - 30%	Daripada ahli kumpulan yang sama, sediakan satu laporan bertulis berkenaan dengan pelan perniagaan yang anda ingin usahakan. Ia mestikan selari dengan maklumat yang telah dinyatakan dalam brosur anda.
Tarikh presentation (4)	Minggu ke-12 dan ke-13 (waktu kuliah)
Tarikh akhir laporan (1, 3, 5)	Minggu ke-14 (waktu kuliah)

Nota: Sila hantar laporan pada waktu yang telah ditetapkan. Penghantaran awal dan lewat dari masa yang telah ditetapkan kemungkinan besar tidak akan dipertimbangkan.